

# 'Dasar Pandang ke Timur mudah dilaksanakan'

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, tidak ada sebab Dasar Pandang ke Timur perlu diperbincangkan dengan terperinci kerana ia adalah satu dasar yang paling mudah untuk dilaksanakan.

Perdana Menteri ber-

kata, semasa negara menoleh ke barat, tidak ada seminar membincangkan mengenai perkara itu. "Golongan bijak pandai juga tidak mengambil berat mengenai perkara itu," tambahnya.

Ini berlainan dengan Dasar Pandang ke Timur yang telah diperbincangkan begitu mendalam meskipun

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

pada hakikatnya ia amat mudah difahami, katanya lagi.

Beliau menegaskan, meskipun ada kejayaan yang telah dicapai waktu kerajaan terlalu bergantung ke barat tetapi ada sesuatu yang harus dicontohi dari Jepun dan Korea.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa etika kerja di Barat adalah berbeza dengan di Timur yang bukan sahaja taat kepada diri sendiri tetapi kepada majikan dan kerajaan.

Kini, negara-negara di Barat mengamalkan dasar perlindungan dan menimbulkan keresahan kepada negara-negara lain. "Sebaliknya bagi Jepun, perdagangan bebas memberi makna yang cukup besar kepada mereka," tambahnya.